



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

### MENGARUSPERDANA AGENDA PENGURUSAN E-WASTE DI MALAYSIA

---

1. **15 OKTOBER 2022, PUTRAJAYA** - Kempen kesedaran mengenai kepentingan pengumpulan buangan peralatan elektrik dan elektronik (e-waste) semakin mendapat perhatian dan penglibatan badan bukan kerajaan, pihak swasta, badan-badan korporat yang turut terlibat dalam penganjuran program-program pengumpulan e-waste. Perkembangan positif ini penting dalam menunjukkan komitmen mereka bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) dan mengarusperdanakan elemen persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pengurusan sesebuah organisasi.
2. Agenda pengurusan e-waste juga terus **mendapat perhatian pihak kerajaan negeri** dalam membantu mempersiapkan negara ke arah pengurusan e-waste yang holistik dan lestari. Manakala **penglibatan sektor perbankan** pula jelas mempamerkan komitmen badan-badan korporat tanpa mengira latar belakang untuk bersama-sama menyebarkan kesedaran berkaitan e-waste bagi capaian yang lebih meluas dan berkesan sejajar dengan rangkaian pelanggan dalam sektor perbankan.
3. JAS merakamkan penghargaan kepada **Kerajaan Negeri Sabah** atas sokongan yang diberikan kerana **telah mendaftarkan sebanyak tujuh pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai pusat pengumpulan e-waste diikuti oleh Negeri Perak sebanyak enam PBT dan Negeri Terengganu sebanyak satu PBT.** Jabatan ini berharap agar sokongan berterusan dapat diberikan oleh PBT yang lain bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

4. Pada tahun ini (Januari 2022 hingga September 2022) sebanyak **2,141 tan metrik e-waste berjaya dikumpulkan** di seluruh negara. Manakala sebanyak 200 pusat pengumpulan e-waste yang berdaftar telah diperkenalkan di seluruh negara bagi memudahkan orang awam untuk menghantar dan melupuskan e-waste secara *environmentally sound management* atau mesra alam. Orang awam boleh memuat turun aplikasi MyEwaste atau melayari laman sesawang e-waste di <https://ewaste.doe.gov.my/> untuk maklumat lanjut mengenai pusat-pusat pengumpulan berhampiran yang berdaftar dengan JAS.
  
5. JAS mengalu-alukan dan mengalakkan kerjasama daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta, badan korporat dan komuniti untuk turut menjayakan program-program pengumpulan e-waste pada hari Sabtu terakhir setiap bulan. Orang awam pula boleh bersama-sama melaksanakan tanggungjawab dengan melupuskan e-waste ke pusat-pusat pengumpulan yang berdaftar berhampiran dengan lokasi mereka. Semoga usaha murni ini dapat memupuk sifat tanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia untuk terus memelihara alam sekitar.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Ewaste Dikitar, Bumi Terpelihara”

**-TAMAT-**

**WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Dikeluarkan pada 15 Oktober 2022